

## **ESM gesa IPS, Sekolah Dasar Awam LKY bersama tangani isu S'pura**

**Berita Harian**, 27 October 2018

SEDANG Singapura melalui perubahan sosial dan ekonomi yang pesat, keperluan bagi satu badan penyelidikan dasar yang kukuh menjadi lebih penting.

Menteri Kanan Emeritus (ESM), Encik Goh Chok Tong, berkata badan sedemikian akan membolehkan negara memanfaatkan semua idea dan huraian untuk menyelesaikan masalah hari ini dan masa depan.

Ini sebab utama Institut Pengajian Dasar (IPS) ditubuhkan, sebuah institut pemikir (think-tank) yang dibentuk ESM Goh pada 1988 semasa beliau timbalan perdana menteri, lapor akhbar The Straits Times semalam.

Namun, walaupun ia terus memainkan peranan penting sebagai wadah bagi warga Singapura menyumbang idea dan memantau tugas pemerintah selama bertahun-tahun, ESM Goh membayangkan peranan baru bagi institut itu.

Memberi ucapan di majlis jamuan malam ulang tahun ke-30 IPS kelmarin, Encik Goh berkata beliau mahu ia bekerjasama dengan Sekolah Dasar Lee Kuan Yew (LKYSPP) di Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk "memajukan kajian kes khas Singapura".

Ini bermakna mereka harus menggabung sumber dan pandangan untuk membantu pelajar dan pegawai asing memahami apakah yang membuat Singapura maju, bagaimana ia dapat mencapai pelbagai kejayaan dalam tempoh masa pendek dan bagaimana ia dapat mengekal tadbir urus baik di luar pemimpin pengasasnya, kata beliau.

Sebagai penaung pengasas IPS dan pengurus lembaga pentadbir LKYSPP, Encik Goh berharap saranannya itu dapat memberi pengaruh meskipun ia harus dipertimbangkan.

Saranannya itu dikemukakan 10 tahun selepas IPS menjadi sebuah pusat penyelidikan LKYSPP pada 2008.

Walaupun ketika itu ia dilakukan dengan pemahaman IPS akan berfungsi "lebih kurang secara bebas", Encik Goh berkata terdapat "potensi besar" dalam menggabungkan kekuatan mereka.

LKYSPP mempunyai sumber akademik dan penyelidikan, pengajaran dan pendekatan global, yang boleh IPS lengkapi dengan kekuatan penyelidikannya dan tumpuannya pada isu dasar dan urus tadbir berdasarkan Singapura, jelas beliau.

IPS menganalisa dasar awam, meneliti isu kepentingan nasional dan mengkaji sikap dan aspirasi rakyat Singapura menerusi tinjauan persepsi awam.

Sedang Singapura bergerak ke arah masa depan, rangka kerja penyelidikan dasar Singapura perlu dinamik, inklusif dan bersepadu, kata beliau.

"Bagaimanakah kita mengurus perubahan ini dan mempertingkat kebijakan rakyat Singapura? Bagaimanakah kita menambat rakyat kita kepada negara mereka, menyatukan dan membuat mereka komited kepada Singapura?

"Tiada sesiapa yang akan mempunyai semua jawapan kepada cabaran dalaman dan luaran Singapura," tambah Encik Goh.